

Program Khidmat Masyarakat di Kg. Mananam, Tongod

Oleh: Mohd Nazri Abdul Rahman & PMSSMP



Satu program Khidmat Masyarakat telah dikendalikan oleh PMSSMP bagi tahun 2011. Pada tahun ini, program khidmat masyarakat telah dijalankan pada 17 – 18 Disember 2011 selama 2 hari 1 malam di Kg. Mananam, Tongod di daerah Telupid, Sabah dengan kerjasama En. Ooi Kong Eow, Sukarelawan Pekerja Sosial dari Sabah AGAPE Counseling Association.

Program khidmat masyarakat ini telah dianggotai oleh 38 orang pelajar SSMP Tahun 1, 2 dan 3 yang melibatkan ketiga-tiga program, iaitu HS04 Sains Makanan dan Pemakanan, HY07 Teknologi Makanan dan Pemakanan serta HG09 Perkhidmatan Makanan. Program ini juga telah melibatkan Pasukan Perubatan dan Pergigian dari Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) yang sukarela untuk memberi rawatan secara percuma kepada masyarakat di Kg. Mananam. Semua ahli terlibat telah ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Mananam, Tongod dengan bantuan En. George iaitu Guru Besar, SK. Mananam.

Di antara aktiviti yang dijalankan adalah: pemeriksaan antropometri, ceramah makanan seimbang untuk seisi keluarga, nasihat pemakanan, nasihat berhenti merokok, nasihat penjagaan kebersihan tangan dan mulut, serta beberapa aktiviti permainan untuk kanak-kanak bagi menarik minat mereka terhadap kebersihan dan keselamatan makanan. Satu sesi ceramah "Makanan Seimbang untuk Seisi Keluarga" telah disampaikan oleh Encik Mohd Nazri Abdul Rahman selaku Pensyarah Pengiring dan Pembimbing bagi program ini.

Beberapa bengkel kesihatan disediakan kepada pengunjung, seperti: bengkel "Gaya Hidup Sihat", "Tabiat Makanan", "Pendidikan Moral" serta "Kebersihan" yang dikendalikan oleh Ahli Jawatan Kuasa (AJK) Khidmat Masyarakat PMSSMP 2011. PMSSMP juga telah menyampaikan pakaian terpakai untuk disumbangkan kepada penduduk setempat yang memerlukan. Pemeriksaan kesihatan percuma termasuk pemeriksaan gigi juga

dijalankan oleh pasukan sukarelawan perubatan dari JKNS yang melibatkan Klinik Kardiologi, Hospital Queen Elizabeth (HQE), Klinik Pembedahan Pergigian dan Mulut Paediatric, HQE dan juga Hospital Ranau, Sabah.

Upacara penutup telah diadakan pada 18 Disember 2011, dengan penyampaian cendera-kenangan kepada En. Ooi Kong Eow, (Sukarelawan Pekerja Sosial) En George iaitu Guru Besar SK. Kg. Mananam serta En. Mohd Nazri Abdul Rahman, selaku Pensyarah Pembimbing dari SSMP. Sebagai kesimpulan, diharapkan aktiviti khidmat masyarakat ini boleh dipergiatkan lagi dengan aktiviti dan peningkatan kualiti dalam penyampaian ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Di samping itu, ianya adalah sebagai platform utama kepada mahasiswa/i SSMP amnya dan UMS umumnya untuk mendekatkan diri dengan masyarakat serta mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang ditimba di universiti dalam kehidupan sebenar.